

Isu dan Cabaran Usahawan Graduan Teknikal dan Vokasional dalam Mencapai Komuniti Berpendapatan Tinggi

Natasha Dora Muridan, Mohamad Sattar Rasul, dan Ruhizan Mohd Yasin

Abstrak -- Transformasi pendidikan teknik dan vokasional telah memberikan penekanan kepada industri seiring dengan komposisi akademik. Tujuan kajian adalah untuk melihat tiga aspek cabaran dalam mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi, iaitu isu dan cabaran untuk menjadi usahawan dalam bidang teknik dan vokasional, cabaran dalam peningkatan kemahiran sebagai usahawan lulusan teknik dan vokasional serta cabaran usahawan lulusan teknik dan vokasional untuk mendapat pendapatan yang tinggi. Cabaran dalam isu keusahawanan ini menggunakan teori tingkah laku terancang oleh Ajzen (1991) yang terdiri dari tiga elemen penting dalam mempengaruhi kerjaya usahawan lulusan teknik dan vokasional iaitu sikap dan perlakuan, norma subjektif dan kawalan kelakuan dilihat. Sikap dan perlakuan sebagai salah satu daripada penilaian sama ada baik atau tidak terhadap sesuatu gelagat usahawan, norma subjektif persepsi usahawan terhadap tekanan sosial untuk melaksanakan sesuatu gelagat atau tingkah laku yang berkaitan seperti kepercayaan normatif dan motivasi untuk mematuhi kepercayaan serta kawalan kelakuan dilihat iaitu persepsi individu terhadap kekangan dalaman dan luaran sesuatu gelagat seperti kawalan kepercayaan dan kuasa dilihat. Kajian ini menggunakan kajian sistematik berdasarkan kajian lepas. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kemahiran generik menyumbang kepada komuniti berpendapatan tinggi selain kemahiran k-pekerja dan k-ekonomi serta kemahiran kebolehterkerjaan meliputi teknikal dan insaniah. Selain itu, lulusan Teknik dan Vokasional adalah pemangkin kepada peningkatan ekonomi negara menerusi bidang sains dan teknologi (reka cipta), teknologi maklumat, pasaran dan industri dan modenisasi. Pihak swasta dan kerajaan juga perlu berganding bahu dalam memperkasa lapangan teknik dan vokasional dalam melahirkan usahawan yang mampu berdaya saing, mencambah ekonomi negara seterusnya mencapai tahap komuniti berpendapatan tinggi. Kepentingan kajian ini kepada bidang latihan teknik dan vokasional ialah tumpuan kepada pembangunan modal insan berteraskan nilai murni, berkemahiran dan berpengetahuan berorientasikan keusahawanan. Kajian ini juga dapat menyediakan garis panduan kepada bakal usahawan selain penyediaan kemahiran berterusan bagi usahawan.

Kata Kunci -- Keusahawanan, Teori Tingkah Laku Terancang, Komuniti berpendapatan tinggi, Kemahiran generik